

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 6 TAHUN 1989**

### **DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KEPADA INDIVIDU ORANG ASLI**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa menimbang Kertas Bil. 15/338/89 (32) pada 30.8.1989 telah menetapkan dasar pemberianmilik tanah kepada individu Orang Asli khususnya di pusat pengumpulan semula Orang Asli di Kuala Betis seperti berikut :-

#### 1.1 Syarat-Syarat Pemberianmilik

##### a) Bagi Tapak Rumah

- |       |                     |   |  |
|-------|---------------------|---|--|
| (i)   | Jenis Hakmilik      | : | Pajakan Negeri                           |
| (ii)  | Tempoh Hakmilik     | : | 99 tahun                                 |
| (iii) | Harga Tanah         | : | \$10.00 tiap-tiap lot<br>( nominal )     |
| (iv)  | Hasil Tanah         | : | Mengikut kadar dalam<br>Peraturan Tanah. |
| (v)   | Lain-lain Belanja   | : | Mengikut kadar dalam<br>Peraturan Tanah  |
| (vi)  | Jenis Kegunaan      | : | Bangunan                                 |
| (vii) | <u>Syarat Nyata</u> |   |  |

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan bangunan daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(viii) Sekatan Hakmilik

Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang urusanniaga tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

- (ix) Upah Ukur : Dikenakan 1/3 daripada kadar terjadual NLC (Survey Fees) Order 1965 Item 4(i).

b) Tanah Dusun

- (i) Jenis Hakmilik : Pajak Mukim
- (ii) Tempoh Hakmilik : 99 tahun
- (iii) Jenis Kegunaan Tanah : Pertanian
- (iv) Syarat Nyata : Dusun buah-buahan
- (v) Harga Tanah : Nominal ( \$10.00 tiap-tiap lot ).
- (vi) Hasil Tanah : Mengikut kadar dalam Peraturan Tanah.
- (vii) Upah Ukur dan Belanja Pejabat : Mengikut kadar dalam Peraturan Tanah.
- (viii) Sekatan Hakmilik : Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang urusanniaga tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- (ix) Upah Ukur : Dikenakan 1/3 daripada kadar terjadual dalam NLC ( Survey Fees ) Order 1965 Item 4(i).

c) Tanah Getah

Diukur menjadi satu lot sahaja dan diberimilik kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sekiranya diperlukan demikian. Diperingkat permulaan dipersetujui dirizab mengikut Akta GSA. Tentang syarat-syarat pemberianmilik adalah bagaimana tanah dusun dan harga tanah boleh dikenakan di atas kadar nominal \$10.00 sahaja tetapi hasil tanah (rent) dikenakan mengikut kadar terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

**2. CARA PEMBAYARAN**

- 2.1 Harga tanah, hasil tanah dan belanja Pejabat akan diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kerajaan bolehlah menetapkan supaya bayaran berkenaan dibuat secara ansuran bagaimana rancangan FELDA.
- 2.2 Tanah-tanah ini diberimilik mengikut Seksyen 13A Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938.
- 2.3 Semua rancangan pengumpulan semula (RPS) Orang Asli diwartakan mengikut Akta GSA setelah kawasan berkenaan diukur keliling.
- 2.4 Kos ukur keliling akan dibiayai oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Pengarah Tanah dan Galian melepaskan 2/3 daripada kadar kos mengikut NLC ( Survey Fees ) Order 1965 Item 4(i).

**t.t**  
**( Tengku Elias Bin Tengku Mahmood )**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 15HB. OKTOBER 1989**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL :P.T.G. KN. SULIT BIL. 101 / 77 (40)**